



**KERTAS KERJA PROGRAM DEMONSTRASI LATIHAN  
KEBAKARAN BERSAMA JABATAN BOMBA**

***(Fire Drill)***

**TARIKH : 29 April 2019**

**HARI : ISNIN**

**MASA : 0800 - 1030**

## **1. Pendahuluan**

Matlamat program ini iaitu;

- a) Mendedahkan kepada murid pengalaman langsung menghadapi bahaya kebakaran.
- b) Melatih murid kaedah terbaik untuk menyelamatkan diri ketika kecemasan/kebakaran berlaku di sekolah.
- c) Menjalin hubungan yang erat bersama agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan pencegahan kebakaran.

## **2. Objektif**

- a) Menambahkan pengetahuan dan pengalaman kepada murid kaedah menyelamatkan diri ketika kebakaran/kecemasan
- b) Meluaskan minda dan pemikiran terhadap kaedah yang sistematik dalam menyelamatkan diri dan mencegah risiko kebakaran
- c) Mendedahkan kepentingan usaha menyelamatkan oleh pihak bomba dan agensi keselamatan yang lain.
- d) Murid berupaya menjalani latihan menyelamatkan dengan penuh disiplin.

## **3. Tarikh: 29 April 2019**

## **4. Masa**

08.00 Pagi – 10.30 Pagi

## **5. Tempat : Padang Depan Astaka dan Dewan Lima Buah Kampung**

## **6. Pengelolaan/Anjuran**

Sekolah dengan kerjasama Pasukan Bomba Daerah Lawas

## 7. Penglibatan :

BIL	SUMBER MANUSIA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1.	GURU	10	6	16
2.	MURID	82	77	159
3.	STAF SOKONGAN	1	2	3
4.	PEMBERSIH SWASTA	2	2	4
6.	PEGAWAI KESELAMATAN SWASTA	2	0	2
<b>JUMLAH</b>		97	87	184

## 8. Pelan Kecemasan SK.

8.1 Seperti Lampiran 1

## 9. Peraturan Latihan Kecemasan Dan kebakaran

9.1 Seperti Lampiran 2

## 10. Jadual Pelaksanaan Demonstrasi Latihan Kebakaran

10.1 Seperti Lampiran 3

## 11. Kewangan

Bil.	Perkara	Kos	RM
1.	Jamuan ringan ( 30 orang x RM5.00 )		RM150.00
2.	Peralatan / Bahan i. BekasTelur ii. Minyak Petrol & Diesel		RM10.00
3.	Cenderahati Sijil Penghargaan (1 frame) kepada Ketua Balai Bomba		RM10
		<b>JUMLAH</b>	RM170

## 12. Jawatankuasa Unit Keselamatan Sekolah

Pengerusi : En. Rajudin Bin Abdul Kahar (Guru Besar)

Tim. Pengerusi : En. Sirat Bin Matjinin (PK HEM)

Naib pengerusi 1 : En. Nooreshan bin Latip (PK Kurikulum )

Naib pengerusi 2 : En. Mahmud bin Matusin (PK Kokurikulum)

Penyelaras : Ustaz Mohamad Raimi bin Junaidi

Pen. Penyelaras : Pn. Rosmawati binti Tuah

Setiausaha : Cik Bertha Sim Joo Hung

Bendahari: Pn. Rusidah binti Abu Bakar.

Ahli Jawatankuasa :

1. Semua Guru Kelas
2. Semua Guru
3. Pekerja Swasta

### 13. Jawatankuasa Pengelolaan Latihan Kebakaran

Pengerusi	: En. Rajudin Bin Abdul Kahar ( Guru Besar )
Tim. Pengerusi	: En. Sirat Bin Matjinin ( PK HEM)
Naib pengerusi 1	: En. Nooreshan bin Latip ( PK Kurikulum )
Naib pengerusi 2	: En. Mahmud bin Matusin ( PK Kokurikulum )
Penyelaras	: Ustaz Muhammad Raimi bin Junaidi
Pen. Penyelaras	: Pn. Rosmawati binti Tuah
Ahli Jawatankuasa	: Semua Guru, Semua PKP
Loceng	: En. Mohamad Basri Bin Nadzeri
Kawalan murid (Padang)	: Guru Kelas
Kawalan murid (Dewan)	: Guru Kelas
Jururakam peristiwa	: Pn. Yanti & Pn. Noraliza
Kebersihan	: En Husaini bin Diris Pn. Salbiah@Tini
Guru peronda	: Ustaz Muhammad Arif Bin Shaari
Tugasan letupan	: Bomba
Tugasan penyediaan asap	: Ustaz Muhammad Arif bin Shaari
Penyediaan Alatan	: En. Riko Renarto Bin Yusman
(Pembesar Suara Hailer) dan PA Sistem (Dewan)	: En Azreen Bin Adenan
Dokumentasi Program	: Ustaz Mohamad Raimi bin Junaidi
Sijil Cenderahati dan Jamuan	: Ustazah Noramidah binti Hakim Pn. Nur Izati Abdullah
Penilai	: En. Mahmud bin Matusin
Persiapan tempat	: Semua

## 14. Penutup

Program ini diharapkan dapat memberi pendedahan dalam merancang dan melaksanakan program. Demonstrasi Latihan Kebakaran bersama Jabatan Bomba di sekolah. Seterusnya diharapkan warga sekolah bersedia dalam menghadapi situasi kecemasan yang sebenar.

Disediakan oleh:

.....  
( MOHAMAD RAIMI BIN JUNAIDI )  
Penyelaras Program Demontrasi Latihan Kebakaran,  
SK Ladang Baru, Lawas

Disahkan oleh:

.....  
( SIRAT BIN MATJININ )  
PK Hal Ehwal Murid,  
SK Ladang Baru, Lawas

**Diluluskan / Tidak Diluluskan**

.....  
( RAJUDIN BIN ABDUL KAHAR )  
Guru Besar,  
SK Ladang Baru, Lawas

## Lampiran 1

**SK LADANG BARU, LAWAS**  
**LATIHAN KECEMASAN DAN KEBAKARAN**

1. PERATURAN AM

- 1.1. Isyarat kecemasan akan dibunyikan pada bila-bila masa latihan kecemasan dan kebakaran diadakan. Isyarat tersebut ialah bunyi loceng panjang dan bertalu-talu.
- 1.2. Semua penghuni bangunan/bilik (tiada pengecualian) dimestikan mengikuti latihan ini dan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan seperti berikut:
  - 1.2.1. Pastikan bilik-bilik darjah, pejabat dan bangunan tertentu dikunci dan ditutup rapat sebelum ditinggalkan. Sekiranya masa kritikal tidak perlu berbuat demikian.
  - 1.2.2. Padamkan lampu dan kipas
  - 1.2.3. Penghuni bangunan hanya dibenarkan membawa barang-barang penting seperti wang, barang kemas dan seumpamanya yang senang dibawa.
  - 1.2.4. Dikehendaki berkumpul di tempat yang telah ditetapkan seperti pelan laluan yang dilampirkan.
  - 1.2.5. Tinggalkan bilik-bilik/bangunan dalam keadaan teratur, senyap tetapi pantas.
  - 1.2.6. Jangan berkeliaran di bangunan KECUALI petugas khas yang dipertanggungjawab membuat demikian.
  - 1.2.7. Jagakeselamatandiridankumpulananda.

2. TUGAS MURID-MURID

- 2.1. Masukkan kerusi di bawah meja
- 2.2. Tidak dibenarkan membawa beg
- 2.3. Matikan suis lampu dan kipas
- 2.4. Beratur di luar bilik darjah. Berjalan (JANGAN BERLARI) mengikut barisan ke padang dengan senyap dan pantas
- 2.5. Di padang murid beratur mengikut barisan dan kelas seperti waktu perhimpunan

3. TUGAS GURU DALAM BILIK DARJAH

- 3.1. Membantu ketua kelas/murid mengatur perjalanan keluar dari bilik darjah ke padang. Bawa jadual kedatangan jika ada dan pastikan pintu bilik darjah dan bilik guru ditutup. Sekiranya masa kritikal tidak perlu menutup pintu.
- 3.2. Membantu menyusun kedudukan murid-murid mengikut kelompok di padang seperti dalam pelan laluan keluar.
- 3.3. Memastikan semua suis ditutup



4. TUGAS GURU DI MAKMAL SAINS/KEMAHIRAN HIDUP(Guru Sain dan guru KH
  - 4.1. Tamatkan eksperimen/kerja pertukangan serta merta dan tenangkan murid-murid
  - 4.2. Padamkan semua api, matikan semua suis lampu, kipas dan tanggalkan plug dari soket-soket berkenaan.
  - 4.3. Arahkan semua murid memasukkan kerusi di bawah meja, beratur dengan tertib dan berjalan keluar mengikut laluan keluar dengan senyap dan pantas.
  - 4.4. Tutup pintu bilik. Sekiranya masa kritikal tidak perlu berbuat demikian.
  
5. GURU DI PUSAT SUMBER, BILIK TAYANG, BILIK MUZIK, PENGGUNA PERPUSTAKAAN,DLL
  - 5.1. Berhenti membaca dengan serta-merta dan kembalikan bahan bacaan ke tempat asal.
  - 5.2. Matikan semua suis lampu, kipas dan tanggalkan plug dari soket yang berkenaan
  - 5.3. Arahkan murid memasukkan kerusi di bawah meja, beratur dengan tertib dan berjalan keluar secara senyap dan pantas.
  - 5.4. Tutup tingkap dan pintu sebelum meninggalkan bangunan. Sekiranya masa kritikal tidak perlu berbuat demikian.
  
6. SEMUA GURU HENDAKLAH MEMASTIKAN :
  - 6.1. Tiada murid yang tercicir dalam kumpulan atau merayau-rayau.
  - 6.2. Pastikan keselamatan murid terjamin ketika di padang.
  
7. PEJABAT/KAKITANGAN PEJABAT
  - 7.1. Tutup semua tingkap
  - 7.2. Kunci laci-laci dan rak dengan kemas.
  - 7.3. Matikan semua suis lampu, kipas dan computer serta cabut plug dari soket.
  - 7.4. Sila tinggalkan bangunan dengan teratur dan selamat. Sekiranya ada tetamu di pejabat, bawa bersama tetamu ke padang mengikut laluan.
  - 7.5. Pastikan pintu pejabat dikunci. Sekiranya masa kritikal tidak perlu berbuat demikian.
  - 7.6. Bawa jadual kedatangan murid.
  
8. BILIK PEKERJA
  - 8.1. Semua pekerja sekolah diminta meninggalkan bilik dengan segera.  
Ketuapekerjapastikanbahawalampudankipassudahdipadamkandantutuppintubilikdenganrap at.

8.2. Ketua pekerja mengarahkan semua pekerja berada di  
pintu pagar masuk dan beberapa pekerja diminta membantu bomba membuka mana-mana bilik  
yang diperlukan oleh bomba.

## 9. KETUA PERONDA/PERONDA (YANG DILANTIK)

9.1. Meronda kesetiap bangunan / kawasan seolah dan membuat laporan kepada  
Bomba jika dikehendaki.

## 10. ORANG YANG MENGHUBUNGI BOMBA

10.1. Adalah orang yang berhampiran dengan telefon (kakitangan pejabat atau Guru  
Besar)

## 4. 1 Jadua IPelaksanaan Demonstrasi Latihan Kebakaran

TARIKH : 29 APRIL 2019

MASA : 8 : 00 – 10 : 30

MASA	Butir-ButirAktiviti
8.00 –9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Asap</li> <li>▪ Loceng amaran kebakaran akan dibunyikan.</li> <li>▪ Panggilan kecemasan ke Balai Bomba.</li> <li>▪ Semua warga sekolah wajib meninggalkan bangunan dan menuju ke tempat berkumpul seperti yang terdapat dalam plan kecemasan</li> <li>▪ Guru kelas memeriksa kehadiran murid.</li> </ul>
9.00 –9.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ketibaan pasukan Bomba.</li> <li>▪ Operasi menyelamatkan mangsa.</li> </ul>
9.30 –9.45 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ ‘ Post mortem’ oleh pengawai bomba.</li> <li>▪ Demonstrasi memadamkan kebakaran oleh pihak Bomba dan Penyelamat Lawas (Malaysia)</li> </ul>
9.45 –10.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Refleksi dan sesi soal jawab bersama pihak bomba</li> <li>▪ Pameran Kelengkapan Peralatan Memadam Kebakaran (Jentera Bomba)</li> <li>▪ Ceramah ringkas latihan kebakaran dan keselamatan (Dewan)</li> <li>▪ Para murid bersurai.</li> <li>▪ Tetamu dijemput ke jamuan ringan.</li> <li>▪ Rehat</li> <li>▪ Sesi Pdpc seperti biasa</li> </ul>



SEKOLAH KEBANGSAAN LADANG BARU  
D/A Pejabat Pendidikan Daerah  
98850 Lawas  
Sarawak



Tel : 085-282081  
E-mel: skladangbaru2014@gmail.com.my

Ruj. Kami : JPS(W)/SKLB(Mur)/153/02/06/01(08)  
Tarikh : 23 APRIL 2019

Ketua Balai  
Balai Bomba dan Penyelamat Daerah,  
98850 Lawas,  
Sarawak.

Tuan,

### **PROGRAM KESELAMATAN BERSAMA DENGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**

Berhubung dengan perkara di atas, pihak Sekolah Kebangsaan akan mengadakan program tersebut seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **29 April 2019**  
Masa : **8.00 pagi**  
Tempat : **Padang SK Ladang Baru, dan Dewan Lima Buah Kampung**

2. Antara agenda program ialah seperti berikut:

- 2.1 Latihan kebakaran (*Fire Drill*)
- 2.2 Taklimat dan demonstrasi memadam kebakaran
- 2.3 Ceramah keselamatan dan kebakaran
- 2.4 Pameran Kelengkapan Peralatan Memadam Kebakaran ( Jentera Bomba)

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah ingin menjemput pihak Balai Bomba dan Penyelamat untuk membantu kami menjayakan program ini.

4. Berserta dengan surat ini dilampirkan tentatif program (lampiran 3) pada hari tersebut. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
( NORESHAN BIN LATIP)  
Penolong Kanan Pentadbiran,  
b/p Guru Besar,  
Sekolah Kebangsaan Ladang Baru , Lawas.